

Newspaper	Berita Harian
Date	11 December 2015

# Saya bukan pengecut: Najib

» *Presiden tidak akan berundur, tekad jadi pemimpin 'gentlemen' demi solidariti*

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak yang menerima tekanan dalaman dan luaran, dengan tegas menyatakan iltizam akan terus berjuang dan tidak sekali-kali menyerah kalah dalam perjuangannya untuk menuju kejayaan.

Menjadikan al-Quran, hadis serta pandangan dan nasihat golongan ulama sebagai rujukan, Presiden UMNO itu menggunakan pentas Perhimpunan Agung UMNO di hadapan 2,742 perwakilan termasuk barisan kepimpinan parti, menegaskan beliau tidak akan menjadi pemimpin negara yang pengecut dan bacul.

Sebaliknya, beliau bertekad terus menjadi pemimpin yang 'gentlemen' (pemimpin budi-man) dan berjiwa besar demi kesatuan dan solidariti dala-

man UMNO.

Sebagai penegasan terhadap pendiriannya itu, Najib mengakhiri ucapan 80 minit dengan laungan *there shall be no retreat, no surrender, ... no retreat!!! no surrender!!!* (tidak berundur...tidak menyerah)

"Demi kepentingan Islam, Melayu, UMNO dan perpaduan ummah. Berpaut dan bertawakkal kepada Allah, ... perjuangan UMNO ini, kita sempurnakan jua," katanya.

Disaksikan Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Presiden UMNO, Tun Dr Mahathir Mohamad yang selama ini lantang mengkritik kepemimpinannya dalam kerajaan dan parti, Najib berkata walau apapun tentangan yang tiba, beliau tidak sama sekali-kali menyerah kalah.

## Berani berdepan masalah

Katanya, beliau dengan berani akan berdepan merungkaikan masalah dan menyelesaikannya supaya terus memimpin UMNO mara menuju kejayaan.

"Apabila berdepan dengan masalah, kita tidak boleh sekali-kali lari daripadanya. Itulah prinsip saya.

"Tatkala dihadapkan dengan pelbagai dugaan, saya sering di-

peringatkan rakan tentang mafhum dan tafsiran surah Al-An'am yang menjelaskan bahawa cabaran seseorang pemimpin itu harus diterima sebagai satu munasabah," katanya.

Najib juga berikrar akan terus mengharungi asakan dan dugaan yang datang kerana percaya kepimpinan itu bukan soal kebongkakan menonngkat langit, bukan juga mengumpulkan orang ramai untuk mengata dan menuduh pemimpin yang lain.

Namun, dalam ketegasannya itu, Najib merendah diri dengan menyatakan beliau juga manusia biasa yang mempunyai kelebihan dan kekurangan.

"Bagi saya, *I am a gentleman*, apa-apa kekusutan, marilah berjumpa, duduk berbincang, kita selesaikan melalui saluran yang betul. Seperti saluran dalam parti mengikut perlembagaan parti.

"Sebelum baton kepimpinan ini diserahkan kepada orang lain, saya terlebih dulu berikhtiar memastikan bukan hanya isu berbangkit diselesaikan, malah keadaan parti dan jemaah hendaklah kembali dipulihkan seperti sediakala, saya tidak boleh menjadi seorang pengecut, bahkan itu bacul namanya," katanya diiringi tepu-

kan dan sorakan gemuruh perwakilan yang turut bangun menyokong beliau.

## Kebenaran akan terbukti

Najib juga menaruh keyakinan bahawa beliau berada di pihak yang betul dan kebenaran akan terbukti.

Pada masa yang sama, beliau turut mengajak ahli parti mendukung usaha untuk kesatuan dan solidariti dalaman UMNO.

"Kerana itulah, meskipun hati saya telah terguris dan terluka dengan begitu mendalam, tetapi saya selaku presiden, mengambil pengajaran daripada agama kita. Saya memilih untuk berjiwa besar.

"Tambahkan lagi, sebagai satu jemaah dan organisasi, sudah tentu kita mempunyai disiplin tersendiri. Sebagai mana Islam telah meletakkan garis batasan, tiap sesuatu itu ada sempadannya. Makanya, ... saudara dan saudari, janganlah kita sekali-kali melangkaui sempadan dan batasan itu," katanya.

► Ikuti ucapan penuh perasmian - Rencana 50,51,52,53,54,55